



DR Kamaliah beramah mesra dengan pemilik anjing yang hadir pada Program Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah di Kampung Baru.

## PENULARAN WABAK ANJING GILA

# AMBIL SAMPEL OTAK

Oleh Norul Awatif Romli  
awatifromli@hmmetro.com.my  
Alor Setar

**S**emua pemilik anjing di negeri ini dinasihatkan mengurung haiwan peliharaan mereka bagi tempoh sekurang-kurangnya dua bulan daripada sekarang bagi memastikan ia tidak dijangkiti wabak anjing gila atau rabies.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kedah Dr Kamaliah Ghazali berkata, langkah itu bagi mengurangkan penularan wabak rabies pada anjing peliharaan selepas terdapat laporan mengenai kes anjing peliharaan yang turut dijangkiti wabak berkenaan.

Beliau berkata, sehingga kini, pihaknya memberi vaksin ke atas haiwan berkenaan di tujuh daerah iaitu Kubang Pasu, Kota Setar, Pokok Sena,

Padang Terap, Pendang, Sik dan Baling.

Katanya, semua daerah itu dikategorikan sebagai daerah penampungan (immune belt) kerana terletak bersempadan dengan Thailand sekali gus aktiviti kawalan dilaksanakan sepanjang tahun oleh Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah.

"Susulan pewartaan wabak rabies di Perlis pada 19 Ogos lalu dan kejadian kes gigitan anjing di Simpang Empat, Perlis pada 27 Ogos lalu, kita sudah mengaktifkan semula bihik operasi kawalan bagi daerah Kubang Pasu dan Kota Setar."

"Aktiviti memberikan vaksin, kempen kesedaran dan pemantauan juga dipertingkatkan bagi memastikan penyakit terabit tidak merebak," katanya dalam sidang kesedaran rabies di Kam-

**“**Susulan pewartaan wabak rabies di Perlis pada 19 Ogos lalu dan kejadian kes gigitan anjing di Simpang Empat, Perlis pada 27 Ogos lalu, kita sudah mengaktifkan semula bihik operasi kawalan bagi Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar”

**Dr Kamaliah Ghazali**

pung Baru, Pokok Sena, di sini, semalam.

Dr Kamaliah berkata, sebanyak 34 sampel otak daripada anjing liar turut diambil untuk pengesahan penyakit bermula Khamis lalu hingga

semalam.

Katanya, daripada jumlah berkenaan, sebanyak 17 sampel didapati positif penyakit rabies, membabitkan lokasi di Kodiang, Padang Sera, Jitra, Bukit Kayu Hitam, Changlun, Sanglang, Anak Bukit dan Bukit Pinang.

"Sementara itu, sebanyak enam kes membabitkan gigitan anjing dilaporkan iaitu tiga kes pada 13 September, dua kes pada 14 September dan satu kes pada Khamis lalu di Kota Setar serta Kubang Pasu."

"Manakala, terdapat satu sampel positif membabitkan kes gigitan anjing peliharaan di Tanjung Bendahara, Kota Setar pada 15 September lalu," katanya.

Menurutnya, pewartaan bagi Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila Ju-

ga ditambah bagi lima daerah bukan penampungan membabitkan Yan, Kuala Muda, Kulim, Bandar Baharu dan Langkawi untuk memastikan aktiviti suntikan pencegahan menggunakan vaksin dikenali Rabibis dijalankan.

Katanya, bermula Januari hingga semalam, pihaknya sudah memberi suntikan vaksin kepada 1,639 ekor anjing di seluruh negeri, kawalan anjing liar atau pemusnahan (476), bilangan sampel diambil (65), dan bilangan sampel positif (18).

"Kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di daerah serta negeri juga dimulakan untuk menangani penularan wabak menerusi pelbagai program dilaksanakan."

"Ia termasuk memperting-

katkan kempen kesedaran awam supaya anjing divaksinasi dan dilekaskan serta menjadi pemilik haiwan peliharaan yang bertanggungjawab selain kawalan pemindahan dan kawalan import," katanya.

Katanya, pemeriksaan klinikal terhadap anjing peliharaan juga akan dijalankan jika menerima laporan dan pihaknya berharap kerjasama orang awam atau pemilik anjing melaporkan segera kepada pihak jabatan, jabatan kesihatan dan klinik